

22 MAY 1999

Samy-Ladang

ISU PEKERJA LADANG AKAN DIBAWA KE KABINET, KATA SAMY VELLU

JOHOR BAHRU, 22 Mei (Bernama) -- Kata-kata mengenai penoreh getah yang dibangkitkan oleh Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Khamis lepas, akan dibawa ke Kabinet untuk dibincangkan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini berkata, beliau tidak akan membincangkan perkara itu secara terbuka untuk mengelakkan ia dijadikan isu oleh pihak-pihak tertentu.

"Saya akan bawa (perkara itu) pada mesyuarat Kabinet akan datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Johor ke-53 di sini.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata, isu yang dibangkitkan oleh Keng Yaik itu telah menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan pekerja ladang keturunan India.

Lim, Khamis lepas di Dewan Negara semasa menjawab soalan Senator N. Marimuthu akan kenapa Kementerian itu tidak mencadangkan gaji bulanan bagi penoreh getah semasa harganya tinggi, menjawab "bagaimana penoreh getah boleh diberi gaji bulanan sedangkan tiada siapa yang tahu apa yang mereka buat di belakang pokok-pokok itu."

"Perkara yang dibangkitkan bukan ada kaitan dengan Keng Yaik atau Samy Vellu tetapi ia berkaitan dengan maruah pekerja ladang," tegasnya.

"Saya pernah membangkitkan isu itu (gaji pekerja ladang) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kira-kira dua bulan lepas apabila satu koperasi dengan 17 ladang telah memberi gaji bulanan (kepada pekerja)," katanya.

Samy Vellu berkata Perdana Menteri memberitahu supaya melihat dahulu perkembangan itu dan selepas tempoh enam bulan dilaksanakan, barulah diteliti sama ada timbul masalah jika pekerja ladang dibayar dengan gaji bulanan.

Jika pemilik ladang itu tidak mahu melaksanakan gaji bulanan kepada pekerjanya ini bermakna mereka (pemilik ladang) tidak demokratik kerana kesemua ladang di negara ini dimiliki orang tempatan dan bukan lagi orang Eropah.

Tindakan itu juga seolah-olah menunjukkan pemilik ladang di negara ini tidak mahu mempedulikan nasib bangsa mereka sendiri, katanya.

Perkara yang dibangkitkan oleh MIC itu adalah untuk kepentingan rakyat negara ini dan bukan terhad kepada masyarakat India sahaja lebih-lebih lagi apabila 39 peratus daripada pekerja ladang merupakan orang Melayu.

Sementara itu Samy Vellu mencadangkan agar format konvensyen MIC tahun depan diubah untuk membolehkan parti itu menilai semula keberkesanan perancangan yang dibuat sebelum itu.

Langkah itu perlu untuk memastikan kewibawaan pemimpin MIC selain mengenal pasti isu-isu yang berjaya dibangkitkan untuk kepentingan masyarakat keturunan India.

Sekarang ini format Konvensyen MIC hanya meluluskan dan membentangkan laporan tahunan sahaja dan format baru nanti akan memberi ruang kepada anggota MIC untuk membahas dan membincangkan perkara yang dibangkitkan oleh pemimpin MIC pada persidangan itu.

"Mereka (anggota MIC) boleh bertanya kepada pemimpin terbabit punca dan sebab kegagalan isu yang dibangkitkan," katanya.

Format baru itu juga dapat mengesan pemimpin MIC yang tidak melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka kepada rakyat dan parti, katanya.

-- BERNAMA
BH PR